

PM: Aset NFC dibeku
The Malaysian Insider
14 Januari , 2012
Oleh Mohd Farhan Darwis

KUALA LUMPUR, 14 Jan — Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan kesemua aset Pusat Fidlot Nasional (NFC) dibekukan, tindakan yang dilihat akan menyelesaikan kontroversi skandal yang menyelubungi projek ternakan lembu berkenaan.

Dipetik Sinar Online, perdana menteri (gambar) yang dalam lawatan ke Perak turut berkata, dengan keputusan ini, perjalanan projek tersebut akan diawasi oleh Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Noh Omar.

Najib, yang juga Menteri Kewangan, berkata beliau telah mengadakan perbincangan dengan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil mengenai isu NFC dan keputusan Ketua Wanita Umno itu bercuti adalah "keputusan terbaik".

"Ya, saya sudah berbincang dengan Shahrizat. Keputusannya bercuti adalah keputusan terbaik untuk membolehkan pihak berkuasa menjalankan siasatan yang rapi," katanya lagi.

Projek itu yang mendapat dana RM250 juta daripada kerajaan diuruskan oleh keluarga Shahrizat dengan suaminya Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail yang merupakan pengerusi eksekutif NFC.

Rafizi pada Khamis lalu mendesak kerajaan membekukan aset NFC berikutan terdapatnya dakwaan dan rancangan mencurigakan untuk mengambil alih syarikat National Meat and Livestock Corporation (NLFC) oleh NFC dalam satu Mesyuarat Agung Luarbiasa (EGM) dengan mengeluarkan notis singkat untuk membuat keputusan.

Rafizi percaya tindakan itu adalah satu cubaan untuk menutup jejak dan langkah penyelewengan yang berlaku dalam skandal tersebut.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pmaset-nfc-dibeku/>